

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH MENENGAH SEKITAR DAERAH SENTUL, KUALA LUMPUR

NorFatin Syuhada Binti Abu Bakar
Faculty of Education
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
norfatinsyuhadaabubakar@gmail.com

Tajul Ariffin Bin Muhamad
Faculty of Education
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
tajul.a@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Sentul, Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang dipilih secara rawak iaitu daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kepong Baru, Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Abdullah, Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 130 orang pelajar yang meliputi 57 pelajar lelaki dan 73 pelajar perempuan. Soal selidik digunakan bagi tujuan mengumpul data dan ianya mengandungi 45 item soal selidik di mana setiap kategori terdapat 15 item yang meliputi kategori faktor kemudahan (struktur), faktor interpersonal dan faktor intrapersonal. Data diproses dengan komputer menggunakan program SPSS. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif yang menggunakan min, peratus dan kekerapan bagi menghuraikan sampel kajian dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi pula menggunakan Ujian-t bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian pada paras signifikan $p > 0.05$. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor penglibatan iaitu faktor, kemudahan, interpersonal dan intrapersonal adalah di tahap sederhana (faktor kemudahan dengan skor min=2.71, faktor interpersonal dengan skor min=2.22 dan faktor intrapersonal dengan skor min=2.33). Statistik inferensi pula menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan signifikan terhadap faktor kemudahan berdasarkan jantina. Walaubagaimanapun bagi faktor-faktor interpersonal dan intrapersonal didapati bahawa wujudnya perbezaan signifikan berdasarkan jantina. Selain itu juga tidak wujud perbezaan-perbezaan signifikan terhadap ketiga-tiga faktor berdasarkan bangsa. Disarankan agar kajian yang akan datang dapat melihat faktor-faktor penglibatan sampel yang lebih berpelbagai.

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menekankan bahawa pendidikan adalah suatu usaha yang berterusan dalam melahirkan seseorang individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiah. Pendidikan merupakan proses asas dan utama dalam pembinaan seseorang individu yang seimbang dan baik serta boleh menjayakan hasrat serta hala tuju Negara.

Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan dua waktu seminggu bagi pelajaran pendidikan jasmani di sekolah-sekolah menengah dan masa bagi kegiatan kokurikulum dalam bidang sukan kepada pelajar. Pendidikan jasmani ialah bidang ilmu yang menggabung dan menjalinkan aspek-aspek pendidikan melalui aktiviti pergerakan fizikal dalam sukan. Matlamat pendidikan jasmani adalah ke arah pembinaan kecergasan diri pelajar melalui amalan-amalan gaya hidup sihat serta menjadikan aktiviti kecergasan dan sukan sebagai pendidikan sepanjang hayat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999).

Secara amnya Pendidikan Jasmani terdiri daripada tiga aspek iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Aspek psikomotor adalah mengenai kemahiran yang diajar, manakala aspek kognitif adalah mengenai pengetahuan yang akan disampaikan. Aspek afektif adalah melibatkan emosi dan sikap yang diterapkan oleh guru kepada pelajar. Menurut Capel dan Piotrowaki (2000), Pendidikan Jasmani adalah suatu proses

pembelajaran yang bertujuan untuk membangunkan pengetahuan tertentu, kemahiran dan kefahaman serta menggalakkan kecekapan fizikal. Oleh itu, menurut pandangan Capel ini juga, Pendidikan Jasmani menuntut kepada perkembangan ketiga-tiga aspek asas dalam Pendidikan Jasmani iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Pid Song (2006) juga berpendapat bahawa Pendidikan Jasmani bukan sekadar satu aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menyihatkan tubuh badan, malah ia mampu melatih pelajar menjadi lebih berdisiplin

Menurut Crawford dan Godbey (1987) dalam Bahari, M.J (2007) menyatakan terdapat tiga faktor penglibatan di dalam hirarki penghalang masa lapang. Faktor- faktor penglibatan tersebut ialah :

- (a) Faktor struktur
- (b) Faktor interpersonal
- (c) Faktor intrapersonal

Faktor-faktor ini dipersetujui oleh penyelidik di Amerika Utara yang mengkaji tentang faktor penglibatan masyarakat menyertai aktiviti riadah (Dong & Chick, 2005). Melalui Grey *et. Al* (2002), faktor penglibatan yang utama ialah intrapersonal, diikuti oleh interpersonal dan akhir sekali ialah struktur.

Kesimpulannya, mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan merupakan mata pelajaran teras dan ianya wajib sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah (Wee ,1994). Apabila sesuatu mata pelajaran itu diletakkan di dalam kumpulan mata pelajaran teras, maka jelas menunjukkan bahawa mata pelajaran tersebut adalah mata pelajaran yang penting dan diharap akan dapat memberi kesan serta impak yang positif kepada individu-individu yang mempelajarinya khususnya pelajar-pelajar sekolah.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Pendidikan Jasmani khususnya di sekolah menengah sedang mengalami ketidakstabilan, iaitu kurang diminati di kalangan para pelajar (Desma, 2001 dan Abdul Azizi, 2001). Penglibatan para pelajar dalam pembelajaran aktiviti fizikal masih di tahap rendah. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPB) mendapati belia di negara ini tidak aktif dalam aktiviti kesenggangan yang mana mereka tidak menyertai sebarang kegiatan atau aktiviti berpersatuan atau kelab, kurang bersukan dan kurang bersenam, dan kebanyakan melakukan aktiviti lepak (2006). Manakala dalam kajian oleh Halijah & Omar Nor (2008) mendapati 81 peratus pelajar menganggap mata pelajaran Bahasa Inggeris 'Sangat Penting', sebanyak 55 peratus bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup di anggap 'Penting'. Bagi mata pelajaran pendidikan Jasmani hanya sebanyak 15 peratus yang menyatakan 'Sangat Penting'. Kebanyakan pelajar-pelajar yang belajar di peringkat menengah atas kurang berminat dengan aktiviti jasmani dengan memberi pelbagai alasan. Sebahagiannya menyatakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak mempunyai nilai akademik, tambahan tubuh badan mereka yang mula membesar, tidak sihat, pakaian tertinggal dan sebagainya. Berbagai alasan yang diberikan oleh pelajar untuk tidak mengikuti aktiviti tersebut. Di samping itu, Kekurangan kemudahan Pendidikan Jasmani di sekolah juga merupakan salah satu punca murid kurang berminat menyertai aktiviti Pendidikan Jasmani. Pihak pentadbir seharusnya peka dengan perkembangan murid-murid dan guru-guru Pendidikan Jasmani yang memerlukan bilik persalinan, astaka dan bilik Pendidikan Jasmani yang kondusif dan selamat digunakan (Syed Kamarulzaman Syed Ali, 2014)

Masalah ini juga berkait rapat dengan isu pemakaian pakaian sukan dalam kalangan pelajar ketika kelas pendidikan Jasmani. Hal ini kerana seringkali didapati pelajar-pelajar tidak memakai pakaian sukan lengkap atau bersesuaian semasa kelas Pendidikan Jasmani diadakan walaupun garis panduan pakaian sukan telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Isu pelajar tidak memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani masih berlarutan hingga kini (Haslindah et al. 2011). Oleh yang demikian, sangat wajar bagi pengkaji untuk menganalisis secara terperinci tentang permasalahan yang dihadapi dengan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kurang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani sekaligus dapat meninjau tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah tersebut.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah.
- ii. Melihat perbandingan faktor penghalang (kemudahan, interpersonal dan intrapersonal) dengan faktor jantina dan bangsa.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor-faktor yang menghalang pelajar daripada melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang (kemudahan, interpersonal dan intrapersonal) berdasarkan jantina?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang (kemudahan, interpersonal dan intrapersonal) berdasarkan bangsa?

5.0 KAJIAN LITERATUR

Pendidikan Jasmani merupakan satu subjek penting dalam kurikulum pendidikan formal dalam sistem pendidikan di Malaysia (Safari & Hamdan 2005) dan diiktiraf sebagai salah satu kegiatan yang paling penting untuk membangunkan tabiat aktiviti fizikal semasa remaja. Pendidikan Jasmani juga direka bentuk untuk menyemai keyakinan diri, mematuhi peraturan, meningkatkan kemahiran dan menanam semangat kerjasama antara pelajar. Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang bertujuan mendidik pelajar untuk terlibat dalam aktiviti bersukan, berekreasi, bersosial dan menjaga kesihatan. Pendidikan Jasmani juga merupakan pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi melalui aktiviti fizikal bagi mencapai keputusan yang dikehendaki (Ahmad Rodzli, 2009). Ia juga melibatkan proses pengajaran yang menyeluruh dari segi psikomotor, kognitif, afektif, sosial dan emosi.

Berdasarkan kepada kajian lepas, telah dikenalpasti beberapa faktor yang menjadi kekangan dalam melaksana pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Faktor pengaruh budaya dan persekitaran memberi kesan terhadap penglibatan dalam sukan dan aktiviti fizikal di mana pelajar lelaki lebih cenderung menyertai sukan tinju, hoki ais, baseball, bola sepak, bola baling, ragbi, angkat berat, seni mempertahankan diri serta American Football manakal pelajar perempuan lebih dominan kepada sukan berestetika tinggi seperti tarian, ballet, tenis, badminton, menunggang kuda, luncur ais dan aerobik. Kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan memperoleh skor yang lebih rendah berbanding lelaki dalam penilaian konsep sendiri berkaitan aktiviti fizikal (Klomsten, Skaalvik, & Espnes, 2004). Pelajar perempuan didapati mendapat skor yang lebih rendah dan signifikan berdasarkan sembilan sub-domain dalam penampilan, lemak tubuh, kemahiran, aktiviti fizikal, daya tahan, kekuatan, koordinasi dan kesihatan berbanding pelajar lelaki namun lelaki ada perbezaan gender ditemui pada dimensi fleksibiliti.

Selanjutnya, pengajaran guru Pendidikan Jasmani dikatakan kurang bermutu disebabkan faktor-faktor kekangan persekitaran sekolah (Ali, 2008). Jika saiz kelas itu besar, maka masalah kekurangan peralatan dan kemudahan mungkin timbul (Zuber, 1999). Menurut Botham (2007), pakaian sukan adalah penting untuk para atlet dalam sesuatu aktiviti. Ia adalah bertujuan memberikan keselesaan kepada atlet untuk terus bersukan serta membolehkan mereka beraksi dengan penuh keyakinan seterusnya mempamerkan pencapaian yang menarik. Manakala, menurut Syahrul Ridhwan Morazuki (2010) pula kekangan masa merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah pemakaian pakaian sukan.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dimana data dikumpulkan melalui soalan soal selidik yang berskala Likert 1 hingga 5. Data deskriptif yang diperolehi bertujuan untuk memberi penerangan secara sistematik mengenai fakta yang dikaji secara tepat. Dapatan kajian ini digeneralisasikan kepada pelajar Tingkatan Empat sahaja di tiga buah sekolah yang terpilih sekitar Daerah Sentul, Kuala Lumpur.

Sampel kajian terdiri daripada 130 pelajar Tingkatan Empat di tiga buah sekolah sekitar Daerah Sentul, Kuala Lumpur iaitu SMK Kepong Baru, SMK Raja Abdullah dan SMA Kuala Lumpur. Sampel ini dipilih secara rawak mudah.

Dalam kajian ini, instrumen kajian adalah terdiri daripada soal selidik dan data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) dan Zuhairun Najah Bin Mohamad (2009). ini diubahsuai dan terdapat lapan tahap yang diberikan tumpuan untuk digunakan dalam kajian ini bagi mengatasi masalah kesahan. Soal selidik ini juga telah dijalankan ujian rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaannya. Responden perlu menjawab soal selidik bahagian pertama tentang maklumat latar belakang manakala bahagian kedua adalah berkaitan item tajuk penyelidikan.

7.0 ANALISIS KAJIAN

Data diproses dengan komputer menggunakan program SPSS. Analisis data menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat (Majid Konting, 1990). Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif yang menggunakan min, peratus dan kekerapan bagi menghuraikan sampel kajian dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi pula menggunakan Ujian-t bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian pada paras signifikan $p > 0.05$.

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, perbandingan min digunakan mengikut tahap. Untuk mengukur tahap, menurut Chan Yuen Fook (1999) Likert lima skala diukur melalui sistem tiga kuartil (quartiles) berdasarkan skor julat min (Ghazali Darusalam, 2003) iaitu Tahap rendah = Min (0-1.66), Tahap sederhana = Min (1.66-3.33) dan Tahap tinggi = Min (3.33-5.00). Manakala ujian t digunakan untuk menjawab persoalan kajian 2 hingga 7.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan taburan peratusan responden pelajar mengikut jantina iaitu seramai 57 orang (43.8%) lelaki dan 73 orang (56.2%) perempuan. Ini menunjukkan bahawa responden perempuan adalah lebih ramai dalam kajian ini. Berdasarkan bangsa pula menunjukkan bahawa bilangan responden yang berbangsa melayu adalah seramai 64 orang (49.2%) manakala responden bukan melayu adalah seramai 66 orang (50.7%). Keadaan ini menunjukkan jurang perbezaan di antara bangsa di kawasan kajian tidaklah begitu jauh bezanya. Manakala daripada aspek kekerapan responden bersukan dalam seminggu menunjukkan bahawa 1 jam hingga 5 jam mempunyai bilangan yang paling banyak iaitu seramai 60 orang (46.2%), kedua banyak bersukan dalam tempoh 1 jam ke bawah dalam seminggu adalah seramai 33 orang (25.4%), yang ketiga banyak bersukan dalam tempoh 5 jam hingga 9 jam dalam seminggu adalah seramai 29 orang (22.3%) dan yang paling rendah iaitu bersukan dalam tempoh 10 jam ke atas dalam seminggu hanya 3 orang (6.2%).

Jadual 1 : Taburan Peratusan dan Bilangan Profil Responden

Demografi	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	57
	Perempuan	73
Bangsa	Melayu	64
	Bukan Melayu	66
Kekerapan Bersukan (Dalam Seminggu)	Kurang 1 jam	33
	1 jam hingga 5 jam	60
	5 jam hingga 9 jam	29
	10 jam ke atas	3

Analisis deskriptif berdasarkan jadual 2 menunjukkan bahawa antara bidang yang paling banyak diceburi oleh responden adalah permainan badminton iaitu berada pada kedudukan pertama sebanyak 33.8%, kedudukan kedua terbanyak diceburi adalah bola sepak iaitu sebanyak 20.% dan yang ketiga

terbanyak diceburi adalah sukan bola tampar dan bola keranjang di mana kedua-dua sukan tersebut adalah sebanyak 6.9%.

Jadual 2: Peratus Bidang Sukan Yang Diceburi Oleh Responden

JENIS SUKAN YANG DICEBURI	PERATUS (%)	KEDUDUKAN
Badminton	33.8	1
Bola Sepak	20.8	2
Bola Tampar	6.9	3
Bola Keranjang	6.9	3
Bola Jaring	6.2	4
Ping Pong	5.4	5
Olahraga	5.4	5
Futsal	4.6	6
Lain-lain	3.8	7
Sofbol	3.1	8
Sepak Takraw	1.5	9
Hoki	0.8	10
Gimnastik	0.8	10

N = 130

Berdasarkan ketiga-tiga faktor tersebut terdapat perbezaan skor min bagi faktor yang diberikan. Faktor kemudahan (struktur) adalah faktor utama yang menghalang pelajar melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani (min = 2.71). Manakala faktor interpersonal (min = 2.22) dan faktor intrapersonal (min = 2.16) merupakan bukan faktor penghalang pelajar melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan jasmani. Walau bagaimanapun skor ini dianggap masih berada pada tahap sederhana sebagai penghalang dalam aktiviti Pendidikan Jasmani berdasarkan skor julat min yang menunjukkan cara pengukuran tahap dibuat melalui sistem tiga kuartil dengan kaedah skor julat min berdasarkan Likert lima skala (5.00), di mana tahap rendah (0 – 1.66), tahap sederhana (1.67 – 3.33) dan tahap tinggi (3.34 – 5.00). Hal ini dapat dibuktikan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Faktor yang menghalang pelajar melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani berdasarkan perbandingan min

Faktor	Min	Tahap
Kemudahan	2.71	Sederhana
Interpersonal	2.22	Sederhana
Intrapersonal	2.16	Sederhana

Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian-t di mana tidak terdapat perbezaan halangan dalam aktiviti Pendidikan Jasmani (faktor Kemudahan) antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Ini ditunjukkan nilai $t(130) = 3.01$ dan $p = 0.40$ ($p > .05$), di mana nilai kebarangkalian $\text{sig.} = 0.40$ adalah lebih besar daripada aras kesignifikan 95 peratus ($p < .05$). Ini membawa erti bahawa hipotesis nol diterima. Manakala keputusan ujian-t halangan faktor interpersonal pula antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan didapati terdapat perbezaan halangan faktor interpersonal. Ini ditunjukkan dengan nilai $t(130) = 1.67$, dan $\text{sig.} = .03$ ($p < .05$). Ini bermakna hipotesis nol ditolak. Faktor intrapersonal juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi skor min tahap halangan dalam aktiviti Pendidikan Jasmani antara pelajar lelaki dan perempuan. Ini ditunjukkan dengan nilai $t(130) = 2.01$ dan $\text{sig.} = .01$ ($p < .05$), di mana nilai kebarangkalian $\text{sig.} = .01$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi 95 peratus ($p > .05$). Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

Jadual 4: Ringkasan ujian-t faktor struktur penghalang dalam penglibatan aktiviti Pendidikan Jasmani berdasarkan jantina

Faktor Penghalang	Jantina	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai T	Tahap Sig.
Faktor Kemudahan (Struktur)	Lelaki	57	2.97	.88	3.01*	.40
	Perempuan	73	2.49	.92		
Faktor Interpersonal	Lelaki	57	2.35	.92	1.67*	.03
	Perempuan	73	2.11	.65		
Faktor Intrapersonal	Lelaki	57	2.34	1.00	2.01*	.01
	Perempuan	73	2.03	.80		

Keputusan ujian-t ke atas uji beza faktor kemudahan berdasarkan bangsa, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan halangan faktor kemudahan antara pelajar bangsa melayu dengan pelajar bukan melayu iaitu nilai $t(130) = -5.32$, $p = .13$ ($p > .05$). Nilai kebarangkalian $\text{sig.} = .13$, lebih besar daripada aras signifikansi 95 peratus. Ini bermakna hipotesis nol diterima. Selain itu, faktor interpersonal dan intrapersonal antara pelajar melayu dengan bukan melayu juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Dengan perkataan lain bahawa bangsa tidak memberi kesan ke atas ketiga-tiga faktor halangan dalam penglibatan aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Untuk keterangan lengkap, rujuk jadual 5.

Jadual 5: Ringkasan ujian t faktor penghalang berdasarkan bangsa

Faktor Penghalang	Bangsa	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai T	Tahap Sig.
Faktor Kemudahan (Struktur)	Melayu	64	2.30	.90	-5.32	.13
	Bukan Melayu	66	3.09	.80		
Faktor Interpersonal	Melayu	66	2.03	.79	-2.68	.66
	Bukan Melayu	64	2.40	.74		
Faktor Intrapersonal	Melayu	66	1.80	.86	-4.91	.91
	Bukan Melayu	64	2.52	.80		

9.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Dalam kajian ini ada tiga faktor yang diketengahkan untuk melihat sejauh mana ketiga-tiga faktor ini menjadi penghalang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani. Ketiga-tiga faktor yang menjadi penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani itu ialah faktor kemudahan (struktur), faktor interpersonal dan faktor intrapersonal. Dalam kajian ini faktor kemudahan adalah merupakan faktor utama yang menjadi penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani kerana antara ketiga-tiga faktor tersebut, faktor kemudahan adalah faktor yang mempunyai skor min yang tertinggi. Hasil dapatan menunjukkan faktor penghalang penglibatan pelajar dalam faktor kemudahan ini ialah disebabkan oleh peruntukkan masa kelas Pendidikan Jasmani tidak mencukupi menyebabkan pelajar tidak puas untuk melakukan aktiviti Pendidikan Jasmani di padang. Selain itu, kekurangan peralatan juga menjadi penghalang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti Pendidikan Jasmani kerana pelajar terlalu ramai menyebabkan peralatan menjadi terhad untuk digunakan. Kedua-dua faktor ini mempunyai skor paling tinggi dalam item faktor kemudahan.

Manakala faktor interpersonal pula merupakan faktor kedua tertinggi yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Dalam faktor ini, pelajar mengangap waktu Pendidikan Jasmani adalah waktu bebas untuk mereka meluangkan masa bersama kawan-kawan mereka dan faktor ini menunjukkan skor paling tinggi dalam item faktor interpersonal. Akhir sekali ialah faktor intrapersonal iaitu melibatkan interaksi atau hubungan antara individu seperti kesulitan mencari pasangan untuk bermain. Hasil dapatan pada faktor intrapersonal menunjukkan bahawa faktor penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani adalah disebabkan oleh guru yang tidak mempelbagaikan aktiviti kelas Pendidikan Jasmani di padang menyebabkan mereka berasa bosan dan mereka lebih tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan daripada mengikuti aktiviti Pendidikan Jasmani. Kedua-dua faktor ini mempunyai skor min yang sama bagi faktor intrapersonal.

Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah daerah Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah faktor kemudahan (struktur). Dengan adanya kajian ini diharap akan dapat membantu pihak pentadbiran sekolah memperbaiki kelemahan dalam pengurusan masa seperti membuat perubahan dari segi peruntukkan masa kelas Pendidikan Jasmani supaya aktiviti Pendidikan Jasmani dapat dijalankan dengan efektif dan berkesan tanpa adanya sebarang halangan.

10.0 RUJUKAN

- Abd Rahman Yusoff (1997), *Pelaksanaan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah-sekolah menengah Daerah Tanah Merah Kelantan*. Tesis Sarjana Sains Pembangunan Manusia. UNIMAS Sarawak.
- Ang H. L., Mohd Sofian Omar Fauzee, Bahaman Abu Samah & Sheikh Kamarudin Sheikh Ahmad. (2003). Satu tinjauan tentang motif penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti fizikal di Daerah Kulim? Bandar Baru Kedah Darul Aman. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan* Kementerian Pendidikan Malaysia. 15. 138-153.
- Asiah Abu Samah (1983). *Buku Panduan Khas Pendidikan Jasmani Tahun 2: Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azhar Bin Ariffin. (2005). *Attitude of Secondary School Students Towards their Physical Education Class and Physical education Teacher*. Master of Sport Science. Universiti Teknologi Mara. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dawara Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur :Dawara Sdn. Bhd.
- E Pei Sze. (2007). *Persepsi, Minat dan Faktor-Faktor Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di sebuah Sekolah Menengah di Daerah Johor Babru*. Tesis Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran). Universiti Teknologi Malaysia.
- Pid Song (2006). *Displin Pelajar Melalui Pendidikan Jasmani*. Diakses pada 12 Februari, 2009, dari <http://www.idesa.net.my/>.
- Husairi Mohri (2002), *Tinjauan Mengenai Perlaksanaan Matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di Empat Buah Sekolah Kebangsaan Felda Dalam Daerah Hulu Perak*. Laporan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hoe Foo Terng (1999). *Perbandingan Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah Kebangsaan Lelaki dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Daerah Klang*, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). Surat pekeliling ikhtisas bil. 4/2008: Standard kecergasan fizikal kebangsaan untuk murid sekolah malaysia (segak). Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah
- Mohd Najib Abd. Ghafar, (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Jaflus Bahari. (2005). *Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan daerah Seremban*. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan: Maktab Perguruan Islam.
- Mohd Saufi Zakaria. (1999). *Sikap pelajar terhadap kokurikulum sukan di tiga buah Sekolah Menengah Teknik, Kelantan*. Tesis sarjana tidak diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Kamal Ali. (2000). *Faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar Melayu tingkatan empat dalam aktiviti kokurikulum di rancangan felda daerah Segamat Selatan*. Tesis sarjana tidak diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Kamal Ali. (2000). *Faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar Melayu tingkatan empat dalam aktiviti kokurikulum di rancangan Felda Daerah Segamat Selatan*. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sofian Omar Fauzee (Ed). (2003). *Sosio-psikologi: sukan dan kegiatan fizikal*. Kuala Lumpur: Karisma.
- Mohd Kassim. (2011). *Pendidikan Jasmani perlu suntikan baru*. Arkib: 27 Jun 2011: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusor, Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum, peranan dan implikasi*, Kuala Lumpur: Sanon Printing.

- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor'ani Saidun (2009), *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM.
- Norizan Bin Mohamed.(2005). *Penglibatan Pelajar Perempuan Tingkatan Enam Bawah terhadap aktiviti Kecergasan Fizikal di Lima Buah Sekolah Menengah di sekitar Daerah Kuala Terengganu, Terengganu*. Tesis Sarjana Muda Sains Pendidikan Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Nunally, J. & Bernstein, 1. 1991. *Psychometri theory*. Edisi ke-3. New York : McGraw Hill
- Pangrazi, R.P. dan Daucer, V.P. (1992). *Dynamic physical education for elementary school children*. 10th ed. N.Y: Macmillan
- Rink, J. E. (2002). *Teaching Physical Education For Learning* (4th ed.). Dubuque I A: Mc Graw Hill.
- Ramli Ishak. (1999). *Persepsi dan sikap pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Batu Lima, Gurun, Kedah terhadap kegiatan kokurikulum: Satu tinjauan*. Tesis sarjana tidak diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Kamaruzaman Bin Syed Ali. (2005). *Kekangan Wanita dalam Aktiviti Fizikal: Satu Ulasan Rujukan. Masalah Pendidikan Jilid 27*. 155-163
- Sakhiyyah A. Rahim. (2004). *Relationship between leisure constrains and residential school students' participation in recreational sport activities*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan: Universiti Putra Malaysia.
- Thyagarajan a/l Gopalakrishnan. (2003). *Sikap pelajar sekolah menengah terhadap aktiviti fizikal*. Tesis Sarjana Pendidikan Jasmani, Universiti Malaya.
- Zulkiflee Othman.(2002). *Persepsi dan Sikap Pelajar terhadap Pelaksanaan Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di Sekolah- Sekolah Menengah Zon Bangsar Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Zulkafli Mansor. (1997). *Hubungan antara faktor sekolah dengan penglibatan kokurikulum di kalangan pelajar*. Tesis sarjana tidak diterbitkan: Universiti Utara Malaysia.